

## **Soalan Lazim berkaitan Advance Integrated NILAM System (AINS) Frequently Asked Questions (FAQs)**

### **1. Apakah maksud NILAM?**

'NILAM' atau Nadi Ilmu Amalan Membaca merupakan penggabungan atau adunan semua aktiviti galakan membaca yang pernah dijalankan di sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai.

### **2. Bagaimakah pelaksanaan NILAM?**

Pelaksanaan program NILAM adalah lebih memberi perhatian kepada kualiti bahan bacaan yang dibaca dan murid boleh membaca pelbagai jenis bahan bacaan.

### **3. Bagaimakah untuk mengakses Sistem AINS?**

Sistem AINS boleh diakses menerusi pelantar DELIMA dalam domain pusat sumber. Klik logo AINS dan terus ke aplikasi paparan AINS. AINS juga boleh diakses melalui pautan url <https://ains.moe.gov.my>.

### **4. Bagaimana Log Masuk ke sistem AINS?**

Murid log masuk dengan menggunakan **ID DELIMA secara single sign on**. Semasa log masuk pastikan tiada email lain yang **sign on**. Jika murid menggunakan komputer yang sama, pastikan murid yang telah menggunakan sebelum ini telah log keluar pada paparan Google. Jika tidak log keluar murid seterusnya tidak boleh log masuk untuk aktiviti yang seterusnya.

### **5. Siapakah pengguna Sistem AINS?**

Pengguna Sistem **AINS** terdiri daripada murid sebagai pengguna dan pemantauan melalui papan pemuka (dashboard) daripada guru, PPD, JPN dan KPM.

### **6. Adakah AINS boleh diakses melalui aplikasi peranti *smartphone*?**

Ya, **AINS** boleh diakses melalui peranti smartphone dengan kaedah Webview, menampilkan isi kandungan web secara langsung dari aplikasi pihak ke-3 yang menggunakan komponen Chrome tanpa harus membuka aplikasi browser dahulu.

### **7. Bagaimakah cara untuk menghubungi pihak AINS sekiranya terdapat masalah serta aduan?**

Pengguna boleh menghubungi pasukan meja bantuan (*help desk*) seperti yang tertera pada menu sisi (*side bar*) **AINS** atau klik pautan ini untuk maklum balas:

<https://forms.gle/58bSy8hs9cn7svyeA>

**8. Bagaimanakah cara membuat aduan sekiranya berlaku sebarang kesilapan maklumat dalam paparan AINS?**

Anda dikehendaki menyertakan maklumat berikut semasa membuat aduan untuk tujuan semakan:

- a. No.Kad Pengenalan;
- b. Kod Sekolah;
- c. Jenis masalah;
- d. No Telefon.

**9. Adakah data AINS murid akan hilang sekiranya pelajar berpindah ke sekolah lain?**

Tidak, data bahan bacaan NILAM pelajar akan kekal dalam repositori KPM.

**10. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya pelajar berpindah sekolah?**

Guru data perlu mengemaskini Aplikasi Data Murid (APDM) dengan kadar segera sekiranya berlaku pertukaran pelajar samada dalam daerah atau negeri. Selepas maklumat murid disahkan dalam APDM, maklumat dalam AINS akan turut dikemaskini secara automatik.

**11. Adakah AINS ini menyediakan manual penggunaan bagi tujuan rujukan?**

Ya, manual penggunaan telah diedarkan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri untuk rujukan sekolah dan penggunaan murid. Modul/Manual Peggunaan boleh diakses melalui pautan berikut:

[https://drive.google.com/drive/folders/1FoGpRUdMmGGVPHXRVrvgeJoO3Ur-RxYj  
?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1FoGpRUdMmGGVPHXRVrvgeJoO3Ur-RxYj?usp=sharing).

Panduan Log Masuk juga disediakan pada paparan awal AINS.

**12. Bagaimana untuk tambah nama murid jika tiada dalam senarai murid?**

Guru NILAM boleh menyemak dengan Guru Data Sekolah berkaitan maklumat murid dalam APDM.

**13. Bagaimana jika Guru GPM, Guru NILAM, Guru kelas, PPD, JPN dan KPM ingin melihat / memantau apa yang telah diisi oleh murid?**

Analisa ini akan dapat dilihat melalui *dashboard sekolah/PPD/JPN/KPM*.